

97
NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 24 OKTOBER 2017 (SELASA)

RUJUKAN : 10262

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- a) mengapakah Pihak Berkuasa enggan membenarkan status jantina di dalam kad pengenalan seperti sedia ada; dan
- b) berapakah jumlah yang telah memohon untuk penukaran status jantina setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Catatan maklumat jantina yang dicetak pada Kad Pengenalan adalah berdasarkan maklumat seseorang individu sebagaimana yang telah tercatat di dalam Sijil Kelahiran miliknya. Oleh yang demikian, sebarang pindaan maklumat jantina pada Kad Pengenalan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan pindaan maklumat jantina dalam Sijil Kelahiran.
- (b) Dari tahun 2015 hingga 30 September 2017, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menerima sebanyak 16 permohonan untuk menukar status jantina pada Kad Pengenalan.

99
Soalan (40)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 24 OKTOBER 2017
[SELASA]**

**DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

SOALAN :-

YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah masih terdapat lagi program bandar selamat dan berapakah peruntukan yang disediakan kepada pihak berkuasa tempatan.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) NKRA Mengurangkan Jenayah, Inisiatif Program Bandar Selamat dilaksanakan dengan objektif utama untuk mewujudkan persekitaran bandar yang lebih selamat dan mengurangkan kadar jenayah. Bermula tahun 2010, program ini dibiayai melalui peruntukan NKRA Mengurangkan Jenayah daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan pelaksanaannya diselaraskan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa).

Dalam Program Bandar Selamat, beberapa elemen Langkah Bandar Selamat dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, rel penghadang, papan tanda keselamatan, tempat letak motorsikal berkunci dan redaan trafik.

Ahli Yang Berhormat, bagi tujuan pelaksanaan elemen-elemen berkenaan, sejumlah **RM15 juta** telah diperuntukkan oleh KDN pada tahun 2017 yang

melibatkan **24 PBT**. Peruntukan yang diagihkan kepada PBT terlibat adalah berdasarkan kriteria yang telah digariskan iaitu kesesuaian lokasi kawasan yang dicadangkan serta prestasi PBT dalam pelaksanaan projek.

Bagi Negeri Perlis misalnya, sebanyak **RM500,000** telah disalurkan kepada Majlis Perbandaran Kangar bagi pelaksanaan Program Bandar Selamat tahun ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **18 unit lampu jalan** yang menggunakan teknologi LED, **laluan pejalan kaki sepanjang 471 meter** dan **1 unit redaan trafik** (bonggol jalan) telah siap dilaksanakan di 2 kawasan iaitu di Kuala Perlis dan Padang Besar. Projek ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Majlis Perbandaran Kangar dan telah mendapat persetujuan pihak Polis DiRaja Malaysia berhubung pemilihan lokasi projek.

Program Bandar Selamat akan terus dilaksanakan pada tahun 2018 termasuk di Negeri Sabah dan Sarawak. Kerajaan telah memberikan komitmen untuk terus mempergiat dan memperkemaskan program ini sepanjang tempoh RMKe-11 sehingga tahun 2020.

Pihak Kementerian sentiasa bekerjasama erat dengan KDN agar peruntukan sewajarnya disediakan bagi memastikan pelaksanaan

program ini dapat dimanfaatkan oleh lebih banyak PBT. Peruntukan bagi tahun 2018 akan dimuktamadkan oleh KDN setelah semua aspek diambil kira termasuk kedudukan kewangan semasa.